



ANTI-BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM

(MS ISO 37001:2016)

PENGENALAN



- ISO 37001:2016 - Standard Sistem Pengurusan Anti-Rasuah (Anti-Bribery Management System - ABMS) diterbitkan pada Oktober 2016 oleh International Standard Organization (ISO)
- Bertujuan membantu melaksana, menyenggara serta menambahbaik sistem pengurusan anti rasuah sebagai langkah pencegahan rasuah dalam organisasi

LATAR BELAKANG



Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti-Rasuah (JKKMAR) pada 21 November 2018 bersetuju supaya:

- Standard antarabangsa ISO 37001 *Anti-bribery Management Systems* digunakan secara menyeluruh di setiap Kementerian, agensi dan jabatan dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) yang berisiko tinggi bagi mencegah rasuah dan membina budaya integriti.



Salah satu inisiatif untuk merekayasa* perkhidmatan awam ke arah tadbir urus baik melalui pensijilan ABMS ISO 37001 di semua agensi Kerajaan.

**penerapan unsur-unsur ilmu, budaya, dsb dlm perancangan, mekanisme kerja, dll sbg asas melaksanakan sesuatu*

PROJEK PELAKSANAAN ABMS & PENSIJILAN ISO 37001:2016 PERINGKAT NASIONAL




- Projek bersama antara Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional (GIACC) dan *United Nations Development Programme* (UNDP)
- Kementerian Pertahanan merupakan salah satu **perintis** Projek.

FAEDAH PELAKSANAAN ISO ABMS

	MENGURANGKAN KES RASUAH	01
	MENINGKATKAN PEMATUHAN AKTA SPRM 2009	02
	MENINGKATKAN KESEDARAN UNTUK MELAPORKAN SALAH LAKU RASUAH	03
	MEMPERBAIKI PERSEPSI RASUAH TERHADAP NEGARA	04
	KESAN YANG POSITIF KEPADA PERTUMBUHAN EKONOMI	05
	MEWUJUDKAN PERSEKITARAN KERJA YANG BEBAS RASUAH	06

PROSES PENSIJILAN DAN *TIMELINE KEMENTERIAN*



PENYATAAN POLISI ANTIRASUAH

Akujanji Kementerian Pertahanan berkaitan inisiatif antirasuah untuk menggalakkan budaya ketelusan, keadilan, dan kebertanggungjawaban di tempat kerja bagi memastikan tahap integriti dan tadbir urus yang tinggi di kalangan warganya.

Merupakan usaha konsisten dan berterusan memerangi risiko rasuah, kementerian pertahanan komited untuk melaksanakan pelbagai inisiatif antirasuah terutamanya pelaksanaan **sistem pengurusan antirasuah**, kementerian pertahanan.



POLISI PERCANGGAHAN KEPENTINGAN

- Polisi ini diwujudkan adalah bagi memastikan kepentingan Kerajaan terpelihara di samping memastikan setiap keputusan atau tindakan yang diambil oleh warga Kementerian Pertahanan adalah telus dan berintegriti.
- Bagi memastikan kepentingan Kerajaan terpelihara, adalah menjadi kewajipan warga Kementerian Pertahanan yang mempunyai kepentingan kewangan, peribadi, kumpulan, parti politik dan persatuan membuat pengisytiharan kepada Ketua Jabatan dengan segera apabila terdapat keadaan yang boleh mewujudkan konflik kepentingan.





POLISI PEMBERIAN MAKLUMAT

Polisi Pemberian Maklumat ini diwujudkan adalah bertujuan untuk menyokong secara langsung Visi, Misi, Objektif, Kod Etika dan Tadbir Urus Kementerian Pertahanan. Ia juga bertujuan untuk menggalakkan dan memudahkan warga Kementerian Pertahanan untuk menyalurkan aduan dan mendedahkan maklumat berkaitan Kelakuan Tidak Wajar di Kementerian Pertahanan.



POLISI LARANGAN PEMBERIAN DAN PENERIMAAN HADIAH



Sebagai rujukan dan makluman mengenai pelaksanaan Polisi Larangan Penerimaan Hadiah di kalangan warga Kementerian dan pihak-pihak lain yang berurusan dengan Kementerian Pertahanan.

Bertujuan untuk meningkatkan integriti di kalangan pegawai dan kakitangan Kementerian dan seterusnya membina imej ketelusan Kementerian Pertahanan.

Amalan menerima dan memberi hadiah telah menjadi budaya sehingga menyukarkan penjawat awam membezakan sama ada pemberian dan penerimaan tersebut merupakan penghargaan, persahabatan, balasan, ganjaran, keistimewaan atas sesuatu hubungan kerja, urusan rasmi atau perkhidmatan.